



Deputy Deans Office Research - FMHS / UPM <upa_medic@upm.edu.my>

MAKLUMAN PENUBUHAN, FUNGSI DAN ALIR KERJA UNIT KESARJANAAN PENYELIDIKAN, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

1 message

Info@upm (e-Hebahan Putra) <info@upm.edu.my>
Reply-To: "Info@upm (e-Hebahan Putra)" <info@upm.edu.my>
To: one@upm.edu.my

Mon, Jan 6, 2025 at 7:00 AM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

2. Saya ingin memaklumkan mengenai kewujudan dan penubuhan Unit Kesarjanaan Penyelidikan di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Putra Malaysia (UPM). Unit ini telah ditubuhkan pada 1 Oktober 2024 dengan tujuan untuk memantau, menerima, dan memeriksa aduan yang berkaitan dengan pelanggaran integriti dalam penyelidikan atau inovasi/harta intelek di UPM.
3. Tujuan utama penubuhan unit ini adalah untuk memastikan integriti dan etika yang tinggi dipraktikkan dalam setiap aspek penyelidikan dan inovasi di UPM. Melalui pemantauan yang telus dan cekap, unit ini berharap dapat memastikan penyelidikan dan inovasi di UPM berjalan dengan penuh profesionalisme dan tanpa sebarang konflik kepentingan.
4. Bersama-sama emel ini, saya sertakan infografik yang menerangkan alir kerja Unit Kesarjanaan Penyelidikan dalam pengendalian aduan dan pantauan berkenaan penyelidikan dan inovasi di UPM. Infografik ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai proses yang terlibat.
5. Sebarang pertanyaan mahupun aduan berkaitan pelanggaran integriti dalam penyelidikan dan inovasi boleh diajukan terus ke emel unit di **tncpi.ukp@upm.edu.my** atau menghubungi unit di talian **03-9769 1419** (Cik Nur Syafiqah Firdaus) untuk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,

NUR SYAFIQAH FIRDAUS

Pegawai Eksekutif
Unit Kesarjanaan Penyelidikan
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Putra Malaysia

Emel : tncpi.ukp@upm.edu.my
Tel : 03-9769 1419


ALIR KERJA UNIT KESARJANAAN PENYELIDIKAN

Tel: 03-9769 1419 | Emel: tncpi.ukp@upm.edu.my

 Hasil pemantauan / Aduan diterima



Hantar kepada Bahagian Governan dan Integriti untuk tindakan seterusnya

 Unit Kesarjanaan Penyelidikan memeriksa aduan




Pembentangan hasil siasatan kepada Jawatankuasa Aduan Penyelidikan

Ya

Kesalahan dijumpai/ dibuktikan?



Tidak

 Aduan berkait dengan penyelidikan atau inovasi/harta intelek?

Ya


Perlu siasatan Task Force unit?



Tidak

ADUAN DITUTUP

Tidak

 Aduan akan dihantar kepada pihak lain seperti TNCAA atau sekolah siswazah jika aduan berkait dengan pelajar



Jenis aduan yang dikendalikan oleh unit

Penyelidikan



Inovasi /
Harta Intelek

